

KEPELBAGAIAN MUSHAF AL-QURAN MASAKINI DI MALAYSIA

Wan Hakimin Wan Mohd Nor, Mohd Hasbie Al-Shiddieque Ahmad
Zaidul Amin Suffian Ahmad, Mahmud Lutfi Abdul Hadi
wanhakimin@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Sejarah perkembangan al-Quran yang bermula semenjak zaman Rasulullah SAW telah melalui beberapa fasa sebelum ia ditulis dalam bentuk Mushaf. Kepelbagaian Mushaf al-Quran yang muncul pada masakini bukanlah petanda kekurangan dan kelemahan yang ada pada al-Quran. Namun, sebenarnya ia menjadi bukti kemukjizatan al-Quran dan jaminan Allah SWT dalam menjaga dan memeliharanya. Begitu juga di Malaysia, pertumbuhan kepelbagaian Mushaf yang subur pada hari ini tidak sekali-kali merendahkan keizzahan al-Quran sebagai sumber utama umat Islam bahkan ia turut meraikan sosio-budaya masyarakat yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari sudut bahasa dan bangsa. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat dunia umumnya tentang perkembangan kepelbagaian Mushaf al-Quran yang mempunyai pelbagai versi di Malaysia sebagai bukti ia bukanlah suatu pertembungan dengan wahyu Allah SWT. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berasaskan rekabentuk analisis dokumen. Pengkaji mendapati bahawa kepelbagaian versi Mushaf al-Quran di Malaysia adalah berpandukan penulisan rasm uthmani dan dipantau oleh pihak Kementerian Dalam Negeri di bawah kendalian Lajnah Tashih al-Quran.

Kata kunci: Mushaf, Sosio-budaya, Kemukjizatan, Keizzahan, Rasm Uthmani.

1.0 PENGENALAN

Terdapat banyak kajian dan penulisan yang membincangkan berkenaan sejarah perkembangan dan penulisan Mushaf al-Quran. Kajian-kajian ini dilakukan bagi menjelaskan kebenaran di sebalik wahyu al-Quran yang dipelihara oleh SWT dan mustahil berlakunya pendustaan ke atasnya. Ini merupakan jaminan Allah SWT sehingga bila-bila sebagaimana yang disebut dalam firmannya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya*”.

(Surah al-Hijr, ayat: 9)

Tulisan ini ingin memberikan gambaran awal tentang perkembangan industri mushaf al-Quran di Malaysia. Malaysia merupakan negara pengeluar, pencetak kedua al-Quran terbesar di dunia. Sejarah pengumpulan al-Quran ini mengalami beberapa fasa sebelum ia dicetak dalam bentuk mushaf. Peluasan kota-kota Islam dan perkembangannya ke seluruh dunia yang seterusnya melebarkan sayapnya di Malaysia menunjukkan keperluan masyarakat kepada mushaf al-Quran.

Dewasa ini, perkembangan industri mushaf al-Quran di Malaysia boleh dikatakan sangat membanggakan dengan kemunculan dalam pelbagai versi. Tidak kurang juga terdapat pihak pengusaha dan pencetak al-Quran yang mempunyai kepentingan diri. Setiap mushaf mempunyai kriteria yang berbeza dan keistimewaannya yang tersendiri. Yang paling ketara ialah dari segi tulisan dan corak hiasannya yang menjelaskan kekuatan dan identitinya. Perkembangan pelbagai mushaf al-Quran ini juga menggambarkan kepada kita keunikan seni budaya dan kekayaan tradisi Islam di Tanah Melayu.

Perkataan mushaf adalah berasal dari perkataan *sahifah* dan jamaknya *saha'if*, *suhuf*. Istilah *mushaf* merupakan perkataan bahasa arab yang secara *harfiah* bermaksud “kulit” iaitu

kulit buku tetapi digunakan dalam konteks ini merujuk kepada senaskhah kitab al-Quran (Makmur & Abu Hassan 2016). Manakala al-Quran pula merupakan kalam Allah yang dapat melemahkan yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan Jibril yang ditulis dalam mushaf yang dipindahkan dengan cara mutawatir dan dikira beribadat orang yang membacanya yang dimulakan dengan surah al-Fatihah dan disudahi dengan surah al-Nas. Pengertian ini adalah takrif yang disepakati oleh jumbuh ulama (Rosmawati Ali 2010).

2.0 SEJARAH AWAL PERKEMBANGAN MUSHAF AL-QURAN

Al-Quran merupakan mukjizat agung daripada Allah SWT yang dijamin terpelihara kandungannya dari sebarang kekurangan dan penambahan. Ia telah disampaikan kepada baginda Rasulullah SAW melalui perantaraan Jibrail *'alaihiassalam* dan seterusnya disampaikan pula kepada para sahabat *radiyallahu 'anhum*. Penurunan al-Quran pada zaman tersebut berlaku secara beransur-ansur dan mengambil masa selama 23 tahun dan masa yang tepatnya ialah 22 tahun 2 bulan 22 hari (Rosmawati Ali 2010).

Hal ini dirakamkan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: *“Dan Al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacakannya kepada manusia dengan lambat tenang dan Kami menurunkannya beransur-ansur.”*

(Surah al-Isra', ayat: 106)

Ketika penurunan wahyu ini masih berjalan, baginda Rasulullah SAW bertemu, bertalaqqi dan menyemak bacaannya di hadapan Jibril sekali setahun iaitu pada bulan Ramadan. Apabila hampirnya baginda dengan kewafatan, Rasulullah SAW bertalaqqi dan menyemak bacaannya dua kali pada tahun terakhir dan peristiwa ini dikenali sebagai *al-urdah al-akhirah*.

Dengan kewafatan Rasulullah SAW, ini bermakna syariat Islam menjadi sempruna dan berakhirnya penurunan wahyu al-Quran. Maka tidak ada lagi wahyu yang berjalan dan tidak ada lagi sebarang penambahan dalam syariat Islam.

2.1 Pengumpulan al-Quran Pada Zaman Rasulullah SAW

Pengumpulan al-Quran bermaksud penulisan dan hafalan al-Quran pada zaman Rasulullah SAW. Ini kerana, sejarah pengumpulan al-Quran pada zaman Rasulullah SAW berlaku dalam dua bentuk dan ia terus berkembang sehingga ke hari ini dalam bentuk mushaf.

Lantaran Nabi seorang yang tidak tahu menulis dan tidak tahu membaca, maka Baginda sentiasa menghafal dan bergantung kepada kekuatan ingatan untuk menghafal setiap ayat yang diturunkan kepada baginda. Nabi menghafaz semua wahyu dan ayat yang diturunkan kepada Baginda dan membaca serta menyampaikan kepada sahabat dengan cara tartil. Selain itu juga, Baginda mentafsirkan dan menjelaskan rahsia ayat yang diterima itu supaya dapat difahami dan jelas maksud yang dikehendaki (Rosmawati Ali, 2010).

Penulisan al-Quran juga berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Sebahagian sahabat yang melazimi Baginda dan mendengar bacaannya ada yang membuat catitan penulisan pada pelbagai bahan. Tidak kurang juga sahabat yang lain menghafal al-Quran di dalam dada mereka apa yang mereka ambil daripada Rasulullah SAW.

2.2 Keperluan al-Quran Dikumpulkan Dalam Satu Mushaf

Faktor utama penulisan al-Quran dikumpulkan dalam satu mushaf adalah memenuhi tuntutan masalah umat. Idea ini pertama kali muncul setelah kewafatan Rasulullah SAW setelah melihat kepada faktor keperluan yang sangat penting. Semasa zaman Rasulullah SAW, idea pengumpulan al-Quran pada satu tempat tidak berlaku kerana pada masa itu tidak ada keperluan ke arah penulisan secara rasmi kerana kebanyakan para sahabat apabila mendengar bacaan dari baginda mereka terus menghafal secara langsung dan disemak bacaannya di hadapan Rasulullah SAW. Di samping itu, ada sebahagian sahabat yang menulis apa yang mereka dengar dari Nabi

SAW. Dan sebahagian lain pula membuat kedua-duanya iaitu menghafal dan menulis wahyu Allah ini.

Pengumpulan al-Quran pada zaman Rasulullah SAW berlaku dalam dua bentuk. Yang pertama pengumpulan dalam bentuk penulisan dan yang kedua al-Quran dihafal dalam dada sahabat. Ayat-ayat al-Quran pada masa itu ditulis secara bertebaran di merata-rata tempat dan tidak tersusun seperti ditulis pada pohon-pohon kayu, daun-daun, dicatit pada batu, kulit-kulit haiwan dan sebagainya. Ini bermakna proses penulisan al-Quran pada zaman Rasulullah SAW telah berlaku tetapi secara bertebaran, bahkan penulisan pada masa itu dilakukan dengan penuh berhati-hati dibimbangi bercampur dengan perkara-perkara lain yang bukan ayat al-Quran.

2.3 Pengumpulan Al-Quran Pada Zaman Abu Bakar dan Umar

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, tugas menjaga wahyu Allah terpuak pula pada khalifah Abu Bakar al-siddiq kerana beliaulah yang memegang tampuk pemerintahan pada ketika itu. Pada era Abu Bakar, telah berlaku satu peperangan di antara orang Islam dan golongan murtad. Peperangan ini dinamakan peperangan Yamamah. Dalam peperangan ini ramai dikalangan sahabat *Qurra'* (sahabat yang menghafal al-Quran) telah gugur syahid. Perkara ini sampai ke telinga Umar radiyallahu 'anhu dan beliau terperanjat dengan apa yang berlaku. Maka Umar datang bertemu Abu Bakar dan menyatakan kebimbangannya tentang apa yang berlaku terhadap para sahabat yang menghafal al-Quran yang ramai terbunuh syahid dalam peperangan itu.

Kebimbangan yang paling nyata ialah kematian sahabat *qurra'* yang menyebabkan akan lenyap dan hilanglah al-Quran. Setelah itu, Umar mencadangkan kepada Abu Bakar supaya keberadaan al-Quran yang bertebaran itu dikumpulkan pada satu tempat. Pada mulanya Abu Bakar tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana beliau menganggap ia adalah perkara baru yang tidak pernah dibuat pada zaman Nabi SAW. Setelah berbincang panjang lebar dengan Umar maka Abu Bakar bersetuju dan berpuas hati dengan pendapatnya. Pengumpulan al-Quran dalam satu mushaf bukanlah perkara bida'ah yang diada-adakan, bahkan ia berdasarkan kepada

masalah umat. Petunjuk ini telah diisyaratkan oleh baginda Rasulullah SAW melalui pengumpulan al-Quran yang telah dilakukan dengan pelbagai wasilah.

Proses pengumpulan bermula, Abu Bakar bersetuju memilih Zaid bin Thabit sebagai pemegang amanah dan melantiknya melaksanakan tugas ini. Pada mulanya beliau menolak seperti Abu Bakar yang sebelumnya. Kedua-duanya saling bertukar pendapat hingga akhirnya Zaid berlapang dada dengan tugas itu. Beliau dilantik dan dipilih kerana ketokohan dan kepakarannya dalam bidang al-Quran. Di samping itu, beliau seorang sahabat yang banyak melazimi Rasulullah SAW dan melihat peristiwa-peristiwa penurunan al-Quran bersama baginda Nabi SAW. Tugas itu dilaksanakan dengan penuh komited, telus dan tekun. Zaid menghadapi tugas berat ini dengan bersandarkan kepada hafalan yang ada dalam dada para qurra' dan catatan yang ada para penulis wahyu. Kemudian lembaran-lembaran itu disimpan di tangan Abu Bakar radiyallahu 'anhu. Setelah itu kewafatan beliau pada tahun 13H, lembaran-lembaran itu berpindah ke tangan Umar dan tetap berada ditangannya hinggalah beliau wafat. Kemudian mushaf itu berpindah ke tangan Hafshah binti Umar (al-Zarkashi, 1957).

2.4 Pengumpulan Al-Quran Pada Zaman Uthman bin 'Affan

Pada zaman Khalifah Uthman bin 'Affan, Islam telah tersebar secara meluas ke luar jazirah Arab termasuklah melibatkan wilayah-wilayah yang melibatkan bangsa 'Ajam (bukan Arab). Peluasan wilayah-wilayah Islam telah berkembang dengan pesat. Umat Islam yang berada di berbagai daerah dan negeri membaca dan mempelajari al-Quran menurut kaedah-kaedah yang diterima daripada sahabat yang masyhur di kalangan mereka dan di wilayah mereka, seperti:

- a) Penduduk Syam menggunakan dan mempelajari kaedah bacaan yang diterima daripada Ubai bin Ka'ab.
- b) Penduduk Kufah mengambil kaedah bacaan daripada Abdullah bin Mas'ud.
- c) Orang-orang Islam di tempat lain pula membaca al-Quran menurut bacaan Abu Musa al-Asy'ari.

Antara faktor utama lahirnya perbezaan bentuk-bentuk bacaan itu adalah dengan berdasarkan perbezaan huruf-huruf yang mana di atasnya al-Quran diturunkan (Rosmawati Ali, 2010).

Satu fitnah besar telah berlaku pada era Saidina Uthman, yang mana perbezaan kaedah bacaan di kalangan umat Islam telah mengundang pertelingkahan yang sangat dahsyat. Perbezaan kaedah bacaan ini menyebabkan berlakunya pergaduhan di kalangan umat Islam, berlakunya budaya kafir mengkafir, tafsiq mentafsiq sesama mereka. Ini kerana mereka merasakan ijhtihad mereka dari sudut bacaan Qiraat adalah benar dan pihak lain adalah salah. Pada suatu ketika, berlakunya peperangan Azerbaijan dan Armenia dengan penduduk Iraq yang diturut disertai oleh Huzaifah bin al-Yaman. Huzaifah terkejut dengan apa yang berlaku lalu, yang mana ia perbezaan cara bacaan telah mengundang pergaduhan yang besar. Beliau segera melaporkan perkara ini kepada khalifah Uthman agar perkara ini supaya tidak membarah dengan lebih serius (Al-Qadhi 2004).

Berdasarkan cadangan Huzaifah al-Yaman, khalifah Uthman telah membentuk satu jawatankuasa penulisan yang terdiri daripada empat orang sahabat, yang diketuai oleh Zaid bin Thabit, mereka yang bertiga lagi daripada keturunan Qurasiy iaitu: Abdullah bin al-Zubir, Sa'id bin al-'As dan Abdul Rahman bin Harith bin Hisham (Rosmawati Ali 2010). Mereka diamanahkan untuk melaksanakan tugas menyalin semula semua ayat al-Quran yang dikumpulkan pada zaman Abu Bakar yang tersimpan di rumah Hafsa binti Umar. Mereka hanya menyalin semula ke dalam satu naskhah dengan menggunakan satu bentuk huruf daripada huruf-huruf yang tujuh.

2.5 Peraturan Penulisan Mushaf Uthmani

Dalam menulis mushaf tersebut, Khalifah Uthman telah menetapkan beberapa syarat tertentu kepada jawatankuasa penulisan (al-Qadhi 2004):

- a) Menulis bacaan mengikut bacaan para huffaz.

- b) Apabila berlakunya perbezaan dalam menentukan kaedah bacaan, mereka mestilah menulis mengikut percakapan suku Quraisy, kerana al-Quran diturunkan dalam dialek atau lahjah Quraisy.
- c) Semua ayat al-Quran yang diterima daripada Rasulullah SAW secara mutawatir dan tidak mansukh akan ditulis semula.
- d) Al-Quran ditulis tanpa menggunakan baris dan titik.
- e) Mengekalkan tujuh jenis bacaan.

Dengan usahanya tersebut Uthman telah berjaya menghindarkan timbulnya fitnah dan dapat mengikis sumber perselisihan serta mampu menjaga isi kandungan al-Quran dari penambahan dan penyimpangan sepanjang zaman. Keberadaan naskah Mushaf `Uthmani yang terdahulu hanya terdapat huruf-huruf konsonan (karakter), tidak ada huruf vokal (baris) dan titik dari salah satu Mushaf yang ditulis dalam skrip Hejazi. Naskah ini boleh dibaca salah dalam pelbagai macam cara. Di dalam melakukan pengumpulan yang kedua, tujuan pertama `Uthman adalah ingin menutup semua celah-celah perbezaan dalam bacaan al-Quran; hanya dengan mengirim Mushaf atau mengirimkannya sekalian dengan seorang pembaca akan memberikan kebebasan juga untuk menggunakan satu cara bacaan, yang akhirnya bertentangan dengan penyatuan yang dikehendaki oleh `Uthman di dalam masyarakat. Oleh kerana itu, adanya kesatuan secara total yang ada pada teks al-Quran di seluruh dunia selama empat belas abad, di pelbagai negara dengan warna-warni sekte yang ada, merupakan bukti kejayaan `Uthman yang tak mungkin tersaingi oleh siapa pun dalam menyatukan umat Islam pada satu teks (Shaharuddin & Farhah, 2017).

3.0 SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Kepesatan penyebaran dan perkembangan Islam di wilayah Nusantara didokumentasikan dalam sumber-sumber sejarah tempatan mahu pun antarabangsa. Bangsa Melayu telah menerima ajaran Islam daripada pelbagai negara luar seperti Cina, India dan Arab melalui aktiviti perdagangan dan maritim. Di samping itu juga, sejarah ini juga memberi petunjuk kepada perkembangan industri mushaf al-Quran di Malaysia (Shaharuddin & Farhah, 2017).

Kerajaan kesultanan Melayu Melaka di bawah Parameswara menjadi tunjang kepada perkembangan Islam di semenanjung tanah melayu dan Melaka menjadi pusat penyebaran Islam ketika itu. Kedudukan ajaran Islam semakin kukuh pada era pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah. Penguasaan dan kestabilan politik Kerajaan Melaka semakin meluas pada abad ke-15 sehingga sampai ke Selangor. Antara daerah-daerah yang dikuasainya seperti Kelang, Jeram, Langat, Jugra dan Kuala Selangor. Melalui penguasaan ini baginda telah menghantar pendakwah pendakwah bagi menyebarkan agama Islam dan mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat tempatan (Mohd. Jamil Mukmin, 2014).

Perkembangan ajaran Islam terus tersebar ke daerah Beruas, Manjung dan Hulu Perak di Perak pada pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Penguasaan kerajaan Melaka ke atas Beruas dan Manjung memudahkan lagi para pendakwah bagi menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat tempatan. Apabila kerajaan Melaka ditewaskan oleh Portugis, Raja Beruas berundur ke Kampar. Di mana ia diperintah oleh Tun Saban anak Bendahara Tun Perak. Pada 1928 Raja Muzaffar Syah putera Sultan Mahmud Syah telah ditabalkan sebagai Sultan Perak yang pertama dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah (Mohd. Jamil Mukmin, 2014).

Begitu juga penyebaran agama Islam negeri Johor dan kepulauan Riau iaitu pada awal kurun ke-16. Antara daerah-daerah yang dikuasai seperti Wurawari, Hujung Mendili, Sayong, Seluang, Muar, Pulau Tinggi, pulau Pemanggil Pulau Laut dan Pulau Tioman turut menganut ajaran Islam. Selepas kejatuhan kerajaan Melaka ditangan Portugis pada 1511 Masehi, terbentuk sebuah Kerajaan Melayu Johor dibawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah yang menjadi warisan raja-raja Melayu Melaka (Mohd Jamil Mukmin, 2014). Seterusnya penyebaran Islam ke negeri Pahang berlaku melalui proses peluasan kerajaan Melaka pada era pemerintahan Sultan Mansur Syah. Baginda telah menghantar Bendahara Tun Perak mengetuai angkatan perang untuuk menakluki Pahang pada tahun 1459. Ini disebabkan Pahang telah membantu Siam menyerang Melaka pada pemerintahan Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Mansur Syah, namun dapat ditumpaskan.

Di Kedah pula, dipercayai agama Islam telah bertapak sejak abad ketujuh atau awal ke-10 Masehi lagi. Batu nisan Sheikh Abdul Kadir Ibn Husin Shah Alam (Beliau seorang ulama dan pedagang berketurunan Parsi. Dalam batu nisan tercatat yang bertarikh 29 atau 290 Hijrah bersamaan 651M atau 920M) dijumpai pada tahun 1962 di Tanjung Aris Mukim Langgar, Alor Setar menjadi bukti kewujudan Islam di Kedah. Berdasarkan bukti ini, Islam telah bertapak di Kedah lebih awal berbanding perkembangan agama Islam di Terengganu, Kelantan dan Melaka (Mohd. Jamil Mukmin, 2014).

Kedatangan Islam telah wujud pada abad ke-14 di Terengganu melalui aktiviti perdagangan yang dilakukan oleh pedagang-pedagang Arab, India dan China di Kuala Berang. Penemuan batu bersurat yang berbahasa Melayu dengan tulisan jawi oleh Saiyed Husin bin Ghulam Al-Bukhari pada tahun 1902 di daerah Kampung Buloh, Kuala Berang, Ulu Terengganu menjadi bukti kewujudan perkembangan agama Islam di sana. Prof. Dr. Syed Naquib Al-Atas mencatatkan bahawa ia bertarikh 4 Rejab 702 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 1303. Tarikh tersebut adalah lebih awal 100 tahun dari tarikh Melaka menerima Islam (Mohd. Jamil Mukmin, 2014). Mengikut ahli sejarah, ajaran Islam telah tersebar di Kelantan sejak tahun 1181 Masehi lagi. Ini disebabkan Kelantan menjadi pelabuhan penting di pantai timur Tanah Melayu. Penyebaran agama Islam dibawa oleh pedagang-pedagang Islam dari Timur Tengah. Ia dibuktikan dengan penemuan wang dinar di bekas tapak Kota Istana Kubang Labu pada tahun 1914. Wang dinar tersebut terdapat ukiran perkataan Arab 'al-Mutawakkil' dan bertarikh 577 Hijrah bersamaan dengan 1181 Masehi (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

4.0 PERKEMBANGAN INDUSTRI MUSHAF AL-QURAN DI MALAYSIA

Penulisan atau penyalinan al-Quran di Alam Melayu dijangkakan telah bermula sekurang-kurangnya sekitar akhir abad ke-13 M. Ia berlaku ketika Pasai iaitu suatu negeri yang terletak di hujung kepulauan Sumatera menjadi kerajaan pertama di Alam Melayu yang memeluk Islam setelah pengislaman Sultan atau Raja mereka. Walau bagaimanapun penulisan manuskrip ilmu-ilmu Islam yang menggunakan kertas di Asia Tenggara hanya bermula daripada abad ke-16 M dan kebanyakannya bermula di awal abad ke-19 M. Manakala manuskrip al-Qur'an yang

sempurna pada aspek hiasan iluminasinya yang dijumpai setakat ini dipercayai dihasilkan pada abad ke-17 M (Riswadi Azmi & Mustaffa Abdullah, 2017).

Implikasi daripada kedatangan pedagang-pedagang Islam ke Alam Melayu sudah tentunya membawa bersama kitab suci al-Quran sebagai panduan kepada umat Melayu yang baru memeluk agama Islam. Mushaf al-Quran ini telah diperbanyakkan salinannya melalui penulis tempatan. Tradisi penyalinan al-Quran di Alam Melayu ini terus berlangsung hingga pertengahan atau akhir abad ke-19. Setelah teknologi semakin berkembang, barulah ianya dicetak dengan menggunakan teknologi percetakan. Tradisi penyalinan mushaf al-Quran berlaku secara meluas sehingga hari ini dan terdapat di beberapa pusat simpanan seperti di Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi, kepulauan Maluku, Patani, Malaysia, Brunei dan sebagainya (Shaharuddin & Farhah, 2017).

Industri penerbitan al-Quran di Malaysia dan seluruh dunia umumnya telah berkembang pesat ekoran bertambahnya bilangan komuniti Islam untuk mendalami ilmu al-Quran dan memahami hukum-hakamnya. Perkembangan industri mushaf di Malaysia menjadi penanda aras bahawa kepelbagaian mushaf yang mempunyai kriteria hiasan dan tulisan khat yang cantik adalah satu pendekatan yang boleh menarik minat masyarakat untuk mendekati al-Quran seterusnya membaca, mentadabbur dan mengamalkan al-Quran.

Keberadaan mushaf al-Quran dan keunikan corak hiasan serta tulisan khat yang terukir padanya menjelaskan kekayaan seni tradisi Islam inilah yang menceritakan keistimewaan yang dimiliki oleh mushaf-mushaf al-Quran di Malaysia. Kewujudan mushaf ini bukan sekadar corak tulisan wahyu bahkan ia menjadi rujukan golongan cendekiawan, seniman, karyawan dan sebagainya dalam mengangkat keindahan karya dan tradisi Islam (Shaharuddin & Farhah 2017).

4.1 Inovasi Baru Mushaf al-Quran di Malaysia

Perkembangan Islam ke seluruh dunia telah membuka lembaran baru terhadap industri mushaf al-Quran. Malaysia juga tidak terpinggir menerima tempias tersebut. Bahkan sedikit sebanyak ia

mempengaruhi perkembangan mushaf al-Quran. Kuantiti umat Islam juga semakin bertambah dari masa ke semasa, semakin ramai bangsa ajam (bukan arab) memeluk Islam dan mempelajari dan mengajar al-Quran. Kepelbagaian manusia yang berbeza dari sudut kaum, budaya, loghat dan bahasa sedikit sebanyak telah mempengaruhi persembahan ke atas penghasilan mushaf al-Quran.

Selaras dengan tuntutan ini, lahirnya pelbagai jenis mushaf dengan pelbagai jenis corak hiasan dan tulisan yang cantik. Terdapat mushaf berkaitan dengan teks al-Quran di mana sebahagian penerbit juga mempersembahkan mushaf terbitan mereka dengan memberi warna khusus, tidak hanya perkataan “Allah” atau “*rabb*”, tetapi membuat penandaan terhadap ayat-ayat atau surah-surah tertentu. Misalnya, ayat-ayat yang berisi doa, ayat sajadah dan ayat-ayat tentang perempuan. Pewarnaan pada teks al-Quran juga dilakukan berkaitan dengan tajwid. Dengan maksud untuk menarik masyarakat awam terhadap ilmu tajwid, sebahagian penerbit membuat inovasi dengan memberi warna tertentu berkaitan hukum tajwid. Pewarnaan itu bermaksud sebagai tanda bacaan agar pembaca sentiasa mengingati hukum bacaan tertentu dengan melihat warna tersebut. Teknik pewarnaannya ada yang menggunakan blok, arsir, atau warna hurufnya itu sendiri dan sebagainya (Makmur & Abu Hassan, 2016).

Selain itu, inovasi baru dalam industri mushaf al-Quran di Nusantara banyak menghasilkan mushaf al-Quran bersama terjemahan ayat. Barangkali, penampilan al-Quran dan terjemahannya itu mengandungi lebih kurang “setengah buku”, maka penampilan jenis ini lebih menonjolkan kepelbagaian dan coraknya, bahkan ia agak “bebas”. Para penerbit tanpa ragu-ragu membuat inovasi dalam mewarnakan mushaf sebagai bentuk kelebihan-kelebihan produk terbitannya jika dibandingkan produk sejenis dari penerbit lain. Mereka berlumba-lumba membuat inovasi dan berkreaitiviti pada *cover*, isi, mahupun kelengkapan teks tambahan pada mushaf al-Quran.

Tidak kurang juga penerbitan mushaf pada hari ini di samping menampilkan terjemahan ayat, penerbit juga cuba menghasilkan dalam penerbitan mereka dengan tafsiran ayat secara ringkas, makna perkataan, hadis-hadis Nabi dan sebagainya sebagai pendekatan dan tarikan

kepada pembaca. Kelengkapan teks tambahan dalam al-Quran dan terjemahannya sangat bervariasi. Misalnya daftar isi, indeks, panduan transliterasi Arab-Latin, panduan penggunaan, huraian *makhraj* huruf, tajwid, waqaf, ayat-ayat sajadah, daftar surah dan juzuk, doa *ma'thurat*, transliterasi latin, terjemahan perkata (*lafziyah*), dan lain-lain (Makmur & Abu Hassan, 2016).

4.2 Ciri-Ciri Mushaf al-Quran Di Malaysia

Kriteria dan keistimewaan mushaf al-Quran di Malaysia dapat dikenali dengan beberapa ciri-ciri berikut:

i. Iluminasi

Keistimewaan mushaf al-Quran di Malaysia ia mempunyai pengaruh hiasan mewah yang terdapat padanya. Di samping itu, ia juga menjadi simbolik kekayaan warisan seni Islam Nusantara yang menjadi latar belakang kebudayaan masyarakat. Walaupun mushaf al-Quran di Malaysia dihiasi dengan pelbagai corak yang cantik dan mempunyai kekayaan penulisan namun ia masih lagi mengekalkan penulisan *rasm Uthmani*, keaslian al-Quran dan tidak mengubah apa yang telah diijmakkan semenjak dari zaman sahabat lagi.

ii. Penulisan Rasm

Kementerian Dalam Negeri melalui Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran telah menetapkan bahawa rasm Al-Quran yang diterima pakai di Malaysia adalah Rasm Uthmani. Namun begitu, akhir-akhir ini telah timbul beberapa kekeliruan dalam memahami sebahagian topik-topik ilmu Rasm. Kekeliruan ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat umum, ia turut terdapat dalam kalangan pakar dalam bidang ini. Terdapat dua kekeliruan besar yang sering berlaku dalam masyarakat. Pertama kaedah penentuan antara mushaf Rasm Uthmani dengan mushaf bukan Rasm Uthmani (rasm imla'i). Kedua kekeliruan tentang perbezaan antara ilmu Rasm al-Quran dengan ilmu Dabt al-Quran.

a) Rasm Uthmani

Rasm Uthmani telah diasaskan pada zaman Saidina Uthman dan ia terus digunakan hingga ke zaman sekarang. Ia telah disepakati sebagai penulisan yang menepati dengan kehendak wahyu Allah SWT tidak sepertimana rasm imla'i. Hasil usaha yang besar ini, al-Quran Mushaf Uthmani dijadikan dasar acuan bagi proses penyalinan al-Quran di seluruh dunia Islam. Perkembangan penulisan Mushaf Uthmani ini juga telah menjadi acuan dan dasar penyalinan al-Quran di Alam Melayu.

Malaysia sebagai sebuah negara di mana majoriti penduduknya adalah Muslim telah mengambil inisiatif dalam memelihara keaslian Mushaf Uthmani. Kerana itu, di Malaysia didapati hanya Mushaf Uthmani sahaja diperakui untuk sebarang cetakan atau penerbitan (Daud et al. 2004).

Oleh itu, 'Uthmani menjadi *rasm istilahi* yang umat ini saling mewarisinya secara turun temurun semenjak zaman 'Uthman. Dan menjaganya (memeliharanya) adalah jaminan kuat untuk melindungi al-Quran sebarang pengubahan, penyelewengan dan penggantian hurufnya. Jika dibolehkan penulisan *rasm istilahi* dan *imla'i* pada setiap zamannya, maka hal tersebut akan mengakibatkan pengubahan tulisan mushaf dari satu zaman ke zaman yang lain, bahkan kaedah *Imla'i* sendiri berbeza-beza sudut pandangannya dalam satu zaman, dan ada juga perbezaan di sebahagian kalimat dari satu negara ke negara yang lain (Shaharuddin & Farhah Zaidar, 2017).

Penulisan al-Quran yang diterimapakai di Malaysia berasaskan penulisan *Rasm Uthmani Riwayat Hafs 'An 'Asim*. Perkara ini ditegaskan sendiri dalam web www.moha.gov.my milik pihak Kementerian Dalam Negeri melalui Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran demi menjaga kemaslahatan al-Quran dari sebarang pengubahan dan aktiviti penyelewengan. Segala urusan yang berkaitan dengan penerbitan dan percetakan mushaf al-Quran mestilah melalui proses kelulusan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

b) Rasm Imla'i

Secara tidak langsung, penulisan rasm imla'i dalam mushaf al-Quran juga berkembang dengan meluas di Malaysia. Pengamalan masyarakat Malaysia terhadap *mushaf rasm imla'i* masih lagi diamalkan dan boleh dikatakan mendapat sambutan dikalangan orang awam walaupun ia bercanggah dengan peraturan yang digariskan oleh Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Hikmah penyebaran kaedah *Imla'iyah* yang dikenal di kalangan masyarakat, supaya mudah dibaca oleh para pembaca sama ada dari kalangan murid, pelajar dan para mahasiswa ataupun masyarakat ketika membaca al-Quran tidak merasakan adanya perbezaan antara rasm al-Quran dengan rasm Imlaii yang mereka pelajari. Hal ini disebabkan kebanyakan penulisan al-Quran sudah mengikut format penulisan 'Uthmani yang dikenal dalam mushaf.

iii. Kaligrafi

Di antara keistimewaan industri mushaf al-Quran di Malaysia ia menampilkan penulisan seni kaligrafi sebagai corak hiasan yang terpahat di dalamnya. Seni kaligrafi di Malaysia memainkan peranan penting dalam memmanifestasikan budaya dan peradaban sebagai aset khazanah bangsa. Ini bermakna persembahan seni kaligrafi memainkan peranan penting dalam perkembangan industri mushaf al-Quran di Malaysia.

Keberadaan mushaf al-Quran dan keunikan corak hiasan serta tulisan khat yang terukir padanya menjelaskan kekayaan seni tradisi Islam inilah yang menceritakan keistimewaan yang dimiliki oleh mushaf-mushaf al-Quran di Malaysia. Kewujudan mushaf ini bukan sekadar corak tulisan wahyu bahkan ia menjadi rujukan golongan cendekiawan, seniman, karyawan dan sebagainya dalam mengangkat keindahan karya dan tradisi Islam (Shaharuddin & Farhah, 2017).

4.3 Khat Naskhi

Jenis khat ini sangat mendominasi penggunaan tulisan kaligrafi yang ada di Malaysia kerana digunakan dalam berbagai tulisan mushaf al-Quran dan bahkan digunakan juga dalam penulisan berbagai teks buku pelajaran umum dan agama Islam dan lain sebagainya (Makmur et al. 2010).

Khat ini banyak digunakan dalam penulisan mushaf al-Quran di Malaysia kerana ia merupakan kaligrafi yang bersifat pertengahan dan sederhana. Khat ini digunakan kerana ia memudahkan pembaca untuk mempelajarinya.

5.0 KEPELBAGAIAN MUSHAF AL-QURAN MALAYSIA

Perbincangan kali ini lebih menumpukan perbincangan berkenaan kepelbagaian mushaf al-Quran di Malaysia. Di sini penulis tampilkan beberapa contoh kewujudan mushaf al-Quran yang dipakai di Malaysia.

5.1 Al-Quran Mushaf Malaysia

Pembinaan Al-Quran Mushaf Malaysia adalah usaha pertama rakyat Malaysia untuk negara dalam membantu dunia menghidupkan kembali seni mushaf yang telah hilang sejak 500 tahun yang lampau. Usaha ini telah membuahkan hasil dengan pelancaran secara rasmi Penyalinan Al-Quran Mushaf Malaysia pada 17 Ramadhan 1417 bersamaan 26 Januari 1997 di Balai Pameran Islam, Pusat Islam Kuala Lumpur.

Al-Quran Mushaf Malaysia ialah manuskrip Al-Quran beriluminasi (berhias) dan berwarna penuh. Ia dihasilkan dari salinan tangan empat orang *Khattat* (penulis khat) tempatan dengan menggunakan batang handam atau resam (sejenis pokok paku pakis). Ia mengandungi 30 Juz dengan mengaplikasikan motif dan rekabentuk seni tampak Melayu bercirikan kebudayaan Islam seluruh negeri di Malaysia. Usaha pembinaan Al-Quran Mushaf Malaysia mengambil masa lima tahun, termasuk kajian dan pembangunan (R&D). Al-hamdulillah, kini Malaysia mempunyai mushaf Al-Quran sendiri melalui penerbitan Al-Quran Mushaf Malaysia – Taba'ah

Ma'arij Al-Jamal pada bulan Mac 2000 dan kini ia telah pun beberapa kali diulang cetak untuk edaran dalam dan luar negara dengan nafkiah (harga) RM 50.00 sahaja.

Mushaf al-Quran Malaysia, memiliki pelbagai jenis jika dibandingkan dengan mushaf-mushaf lainnya. Ianya sebagai usaha memperkaya dan mempermudah bagi orang-orang Islam dalam membuat pilihan. Kepelbagaian pilihan dan cetakan tersebut adalah:

Pertama, Mushaf al-Quran Malaysia Taba'ah Ma'ārij al-Jamal (Cetakan awam): Mushaf ini menggunakan percetakan berkualiti, memiliki corak dan motif budaya Melayu. Penggunaan hiasan corak yang cantik, di mana satu motif berbeza sebanyak 20 muka suratnya direka dan dijadikan sebagai hiasan setiap 20 muka surat yang berbeza pula dengan lembaran berikutnya. Sejumlah rekaan corak dan motifnya telah menghiasi setiap lembaran-lembaran mushaf ini yang berwarna-warni sehingga ke lembaran muka surat terakhir. Proses mewarnai dengan mengambil masa selama 5 (lima) tahun untuk disiapkan secara keseluruhannya. Sementara proses penyelesaian secara keseluruhan, sehingga mushaf ini boleh diguna, dianggarkan menghabiskan sebanyak RM. 6 (enam) juta. Contoh lembaran muka terakhir mushaf untuk cetakan awam ini seperti berikut:

Kedua, Mushaf al-Quran Malaysia Taba'ah Ain al-Taqwa (Cetakan koleksi): Mushaf ini melalui proses pencetakan berkualiti tinggi, memiliki lebih daripada 1000 (seribu) motif seni visual Melayu yang mewakili setiap negeri seluruh Malaysia. Penggunaan hiasan menarik, di mana satu motif berbeza direka untuk dijadikan sebagai hiasan setiap 2 (dua) juz, sebelum masuk ke juz berikutnya. Sejumlah 328 (tiga ratus duapuluh lapan) rekaan lainnya telah diguna dan setiap dua muka surat mempunyai rekaan lain berwarna-warni. Proses rekaan sangat panjang mengambil 314,000 jam kerja sehingga tulisan ini siap keseluruhannya, hal ini mengambil masa selama lima tahun untuk disiapkan. Sementara proses penyelesaian secara keseluruhan sehingga mushaf ini boleh dipamerkan. Mushaf ini, disiapkan cetakan khas menjadi 3 (tiga) jilid dengan meliputi kulit luaran terbuat daripada kulit asli berkualiti tinggi. Kertas pula terbuat daripada kulit kambing berkualiti bebas asid yang menjadi bahan utamanya. Mushaf al-Quran Malaysia ini juga

dicetak secara keseluruhannya terhad kepada hanya 300 set yang masing-masing salinan mempunyai nombor siri.

Ketiga, Mushaf Malaysia dan terjemahannya iaitu mushaf yang dirasmikan penggunaannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-5 Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tarikh, 10 September 2005 di Masjid al-Taqwa Mak Mandin Pulau Pinang. Penerbitan al-Quran terjemahan ini di bawah pengawasan bahagian mushaf al-Quran di Jabatan Pejabat Perdana Menteri, sejak tarikh 24 Disember 2004. Mushaf al-Quran dan terjemahannya adalah mushaf al-Quran yang memiliki kelebihan seperti berikut: Tulisan yang digunakan adalah standar mushaf *Rasm Uthmani*, mudah dan senang untuk dibaca. Terjemahan ini di bawah seliaan Yayasan Restu dalam mengawal terjemahan dan penafsirannya. Dan tejemahan ini menggunakan bahasa mudah dan memudahkan pembaca untuk memahaminya.

Keempat, Juz Amma Multimedia (QUMP) adalah mushaf multimedia yang dilancarkan dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-5 Tun Abdullah Ahmad Badawi, bersamaan tempat, tarikh dan tahun dirasmikannya mushaf al-Quran Malaysia dan terjemahannya. Juz Amma ini adalah projek terakhir Departemen Software dan Multimedia di bawah Yayasan Restu Shah Alam. QUMP menggunakan program standar al-Quran Multimedia. Media ini bertujuan ingin memperkenalkan objektif dan tujuan mushaf ini yang diterbitkan kepada semua umat manusia terutama umat Islam. Selain itu, melalui aplikasi ini bertujuan ingin memperkukuh umat Islam dalam penggunaan ICT. Kandungan projek ini berupa pedoman dan rujukan seperti: Juz amma digital, Madrasah al-Quran (Sekolah al-Quran), Pokok tajwid (Dasar bacaan), Manhaj tahfiz (Kaedah penghafazan) dan Juz amma untuk kegunaan halaqah.

6.0 KESIMPULAN

Perkembangan industri mushaf di Malaysia boleh dikatakan pencapaian yang sangat membanggakan kerana ia mengungkap keindahan seni tradisi Islam dan menjunjung kebudayaan tempatan di samping tidak merosakkan keizzahan yang ada pada al-Quran. Jelaslah di sini, kesuburan perkembangan mushaf dengan kepelbagaiannya ke seluruh dunia menjadi salah satu bentuk pemeliharaan dan penjagaan Allah terhadap wahyunya yang mulia.

RUJUKAN

- Al-Zarkashi, Abu Abdillah Badr al-Din Muhammad bin Abdullah bin Bahadir. 1957. *al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Cetakan: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah Isa al-Babi al-Halabi wa Shuraka'ih.
- Al-Qadhi, Abd al-Fattah. 2003-2004. *Tarikh al-Mushaf al-Sharif*. Mesir: Maahad Al-Azhar al-Sharif.
- Shaharuddin Pangilun & Farhah Zaidar Mohamed Ramli. 2017. *Penyebaran Dan Perkembangan Islam Di Alam Melayu*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017).
- Makmur Haji Harun, Muhammad Bukhari Lubis & Abu Hassan Bin Abdul. 2016. *Sejarah Penulisan Mushaf al-Quran Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Mushaf Istiqlal Indonesia dengan Mushaf Tab'an Ain al-Taqwa Malaysia*. Perak: Fakulti Bahasa Dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Jamil bin Mukmin. 2014. *Sejarah Kerajaan-Kerajaan Islam Secara Ringkas Dan Sejarah Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara Secara Ringkas*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Daud Ismail, Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad & Fadzli Adam. 2004. *Mushaf Uthmani: Perkembangan, Permasalahan dan Kaitannya dengan Pembangunan Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jurnal Usuluddin, Universiti Malaya.
- Riswadi Azmi & Mustaffa Abdullah. 2017. *Manuskrip al-Qur'an di Alam Melayu: Kajian Terhadap Manuskrip al-Qur'an Terengganu*. Jurnal Usuluddin: Universiti Malaya.
- Daud Ismail & Asyraf Hj Ab Rahman. 2016. *Mushaf Imla'i dan Implikasinya dalam Pembacaan Al-Quran*. Ulum Islamiyyah Journal: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosmawati Ali. 2010. *Pengantar Ulum al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam SDN BHD.
- Makmur, Mohd Roslan Bin Mohd Nor & Abdullah Yusof. 2010. *Analisa Corak Seni Kaligrafi Islam Malaysia: Telaah Terhadap Koleksi Seni Kaligrafi Islam Di Musium Kesenian Islam Malaysia (Mkim) Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- <https://diwanikraf.com/category/al-quran-mushaf-malaysia/page/1/>